



## KENYATAAN MEDIA

### SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19 DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

03 Syawal 1441 / 26 Mei 2020

1. Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa pada hari ini, Selasa, 03 Syawal 1441H bersamaan 26 Mei 2020M, Alhamdulillah dengan izin Allah Subhanahu Wa Ta'Ala jua, **tidak ada kes baru** jangkitan COVID-19 telah disahkan di negara ini. Ini bermakna **jumlah keseluruhan kes COVID-19 di negara ini kekal seramai 141 orang**.
  
2. Sementara itu, **tidak ada kes** telah disahkan sembah dari COVID-19 pada hari ini, menjadikan **jumlah keseluruhan yang telah sembah kekal seramai 137 orang**. Oleh yang demikian, jumlah kes aktif yang masih dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan pada ketika ini ialah seramai **3 kes**. Daripada jumlah tersebut, 2 daripadanya masih dalam keadaan kritikal. Satu kes yang hanya memerlukan mesin pernafasan kini juga memerlukan bantuan mesin tambahan heart/lung machine (ECMO) semula. Ini bermakna, kedua-dua kes kritikal tersebut masih memerlukan bantuan mesin tambahan heart/lung machine (ECMO) dan

mesin pernafasan. Manakala, satu kes aktif lagi adalah dalam keadaan yang baik.

3. Dalam tempoh 24 jam yang lalu, sebanyak 31 sampel telah diuji bagi virus SARS-CoV-2 yang membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 kepada 18,620 ujian.
4. Seterusnya, berikut makluman mengenai **Bruhealth App**, Alhamdulillah setakat ini sejumlah 216,044 orang ramai telah mendaftar sebagai pengguna applikasi tersebut. Disamping itu juga, sejumlah 3,483 syarikat dan premis telah mendaftar kepada applikasi tersebut. Daripada jumlah ini, Alhamdulillah sebanyak 1,278 buah restoran dan 297 kedai-kedai *retail* termasuk kedai runcit telah membuat pendaftaran.
5. Berhubung dengan kedai-kedai runcit, baru-baru ini terdapat banyak aduan yang telah diterima daripada orang ramai mengenai dengan jumlah pelanggan yang ramai dan tidak dikawal kemasukkannya. Dengan ini, Kementerian Kesihatan ingin mengingatkan sekali lagi kepada pemilik kedai-kedai untuk sentiasa mengawal kemasukan pelanggan ke dalam kedai mereka terutama sekali kepada kedai runcit yang mempunyai keluasan yang tidak besar. Disarankan juga untuk menghadkan kemasukkan jumlah pelanggan disamping membuat

pemeriksaan suhu badan dan menyediakan hand sanitiser kepada setiap pelanggan yang datang.

6. Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari laman web Kementerian Kesihatan iaitu **www.moh.gov.bn** atau menghubungi **Talian Nasihat Kesihatan 148** atau melalui aplikasi **BruHealth** atau **healthinfo.gov.bn**.

**Selamat Hari Raya Aidilfitri Maaf Zahir dan Batin kepada seluruh umat Islam di Negara Brunei Darussalam. Marilah kita sama-sama berdoa agar semua pesakit terutama sekali yang berada di Pusat Pengasingan Kebangsaan diberi kesembuhan sepenuhnya dan agar Negara Brunei Darussalam sentiasa bebas dari wabak COVID-19.**

**Aamiin Aamiin Ya Rabbal Alamiin**

**- TAMAT -**

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 03 Syawal 1441H / 26 Mei 2020